



25 April 2013
25 April 2013
P.U. (B) 161

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

DAERAH MENGUNDI, PUSAT MENGUNDI
DAN WAKTU MENGUNDI (PINDAAN) (NO. 8)

*POLLING DISTRICTS, POLLING CENTRES
AND POLLING HOURS (AMENDMENT)(NO. 8)*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PILIHAN RAYA 1958

NOTIS DI BAWAH SUBSEKSYEN 7(2)

PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA (PENJALANAN PILIHAN RAYA) 1981

NOTIS DI BAWAH SUBPERATURAN 11(5A)

DAERAH MENGUNDI, PUSAT MENGUNDI DAN WAKTU MENGUNDI (PINDAAN) (NO. 8)

SELANGOR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 7(2) dan (4) Akta Pilihan Raya 1958 [*Akta 19*] dan penetapan masa mengundi menurut subperaturan 11(5A) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 [*P.U. (A) 386/1981*], Suruhanjaya Pilihan Raya meminda Jadual kepada Notis yang disiarkan dalam P.U. (B) 72 bertarikh 13 Mac 2013 bagi Negeri Selangor seperti yang berikut:

- (a) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI AWAL)** bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 097 Selayang, bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 13 Kuang, bagi Daerah Mengundi Batu Arang Barat (097/13/01), dengan menggantikan butir-butir dalam ruang (5), (6) dan (7) dengan butir-butir yang berikut:

(5)	(6)	(7)
Kedudukan Pusat Mengundi	Rujukan kepada Pelan Warta	Waktu Mengundi
<i>Situation of Polling Centre</i>	<i>Reference to G. Plan</i>	<i>Polling Hours</i>
"Dewan Serbaguna IPPD Gombak	P.W. 1518	8.00 am – 7.00 pm";

- (b) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI AWAL)** bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 098 Gombak, bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 16 Batu Caves, bagi Daerah Mengundi Pekan Batu Caves Lama (098/16/10), dengan menggantikan perkataan "8.00 am – 2.00 pm" yang terdapat dalam ruang (7) dengan perkataan "8.00 am – 7.00 pm";

- (c) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI AWAL)** bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 102 Serdang, dengan memasukkan dalam ruang (2) yang bersempadan dengan Daerah Mengundi Bandar Damai Perdana (102/27/02) Bahagian Pilihan Raya Negeri “N. 27 Balakong”;
- (d) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI)** bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 093 Sungai Besar, bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 04 Sekinchan, dengan menggantikan perkataan “Sekinchan Tempatan (SITE B)” yang terdapat dalam ruang (3) dengan perkataan “Sekinchan Tempatan (SIDE B)”;
- (e) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI)** bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 097 Selayang, bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 15 Taman Templer, bagi Daerah Mengundi Bandar Baru Selayang Selatan (097/15/12), dengan menggantikan perkataan “Sek. Keb. Bandar Baru Selayang” yang terdapat dalam ruang (5) dengan perkataan “Sek. Keb. Bandar Baru Selayang 2”;
- (f) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI)** bagi Bahagian Pilihan Raya Parlimen P. 111 Kota Raja, bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 49 Seri Andalas, bagi Daerah Mengundi Taman Maznah (111/49/20), dengan menggantikan perkataan “Sek. Men. Jenis Keb. Chung Hwa Seksyen 36 Shah Alam” yang terdapat dalam ruang (5) dengan perkataan “Sek. Men. Jenis Keb. Chung Hua Seksyen 36 Shah Alam”; dan
- (g) di ruang **KEDUDUKAN PUSAT MENGUNDI (HARI MENGUNDI)** bagi Bahagian Pilihan Raya P. 112 Kuala Langat, bagi Bahagian Pilihan Raya Negeri N. 051 Sijangkang, bagi Daerah Mengundi Batu 9 Kebun Baharu (112/51/05), dengan memasukkan di bawah perkataan “8.00 am – 5.00 pm” yang terdapat dalam ruang (7) perkataan “8.00 am – 5.00 pm”.